



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 11 Tahun 2022

PINDAAN KALENDAR AKADEMIK DAN PERKULIAHAN BAGI SESI I 2022/2023

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai tarikh penting pindaan bagi Kalendar Akademik serta operasi perkuliahan Sesi I 2022/2023

LATAR BELAKANG

2. Kalendar Akademik Sesi 2022/2023 telah diluluskan pada Mesyuarat Senat ke-280 pada 8 Mac 2022. Kalendar Akademik ini juga telah:
 - a. diwartakan melalui Pekeliling Akademik Bil. 06 / 2022: Kalendar Sesi Akademik 2022 / 2023 Universiti Teknologi MARA;
 - b. dikongsikan kepada umum di laman sesawang Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
3. Seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui surat bertarikh 27 Jun 2022 nombor rujukan [JPT.BPKPS.600- 1/2/10(1)] bahawa perubahan tarikh hebahan keputusan STPM/Setaraf telah menyebabkan proses kemasukan bagi Sarjana Muda perlu diselaraskan semula.

PINDAAN KALENDAR

4. Bagi tujuan pelarasan, minggu pertama kuliah mesti dianjakkan satu minggu berikutnya daripada tarikh asal iaitu 3 Oktober 2022 kepada 11 Oktober 2022 (10 Oktober 2022 - Untuk Negeri Kedah / Kelantan / Terengganu / Johor Sahaja).
5. Kalendar Akademik Sesi I 2022/2023 boleh dicapai di laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Akademik di <http://hea.uitm.edu.my> di menu *Calendars > Academic Calendars*.
6. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Kolej Pengajian/Fakulti/Pusat Akademik/UiTM Cawangan/PTJ masing-masing.

SESI PERKULIAHAN

7. Pengajaran dan pembelajaran untuk sesi I 2022/2023 akan dilaksanakan secara teradun (*Blended Learning*) seperti mana di dalam Pekeliling Akademik bil. 09 / 2015 dengan tambahan ketetapan berikut:
 - a. Pengajaran secara kolaboratif antara pensyarah, antara kolej pengajian / fakulti, antara universiti, atau antara industri adalah diteruskan.
 - b. Pelajar dan staf termasuk pensyarah yang lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus.
 - c. Pelajar dan staf yang belum menerima vaksin lengkap dan belum mendapat sebarang vaksin perlu memenuhi ketetapan berikut:
 - i. Melaksanakan ujian COVID-19 dan memaparkan keputusan negatif. (Nota: keputusan ujian hanya sah untuk tempoh tiga (3) hari sahaja)
 - ii. Kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar atau staf sendiri.
 - iii. Pelajar atau staf berkenaan hanya dibenarkan hadir ke kampus selepas keputusan negatif dipaparkan / dibuktikan.
 - d. Kemasukan pelajar ke kampus adalah 100% dengan mematuhi SOP terkini dari KPT dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.
 - e. Pensyarah perlu hadir ke pejabat (atau berada di kawasan kampus mengikut keperluan) dengan mematuhi ketetapan keberadaan dengan pelaksanaan mod penyampaian fleksibel.
 - f. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Kerajaan / Majlis Keselamatan Negara (MKN) / KKM / KPT.

PEKELILING BERKAITAN

8. Kalendar Akademik Sesi I 2022/2023 pada Pekeliling Akademik Bil. 06 / 2022: Kalendar Sesi Akademik 2022 / 2023 Universiti Teknologi MARA adalah terpinda.
9. Pekeliling ini dibaca bersama Pekeliling Akademik Bil. 09 / 2015: Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling dikeluarkan pada 1 Ogos 2022.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada Sesi I 2022/2023 (Oktober 2022).



PROF. DATIN DR. SUZANA SULAIMAN

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 1 Ogos 2022
Kategori Pekeliling : Arahan